

## **Rakyat Kelantan pandai tapi miskin: Dr M separuh betul**

**Malaysiakini**

**1 September 2018**

**Ahmad Fadhli Shaari**

ULASAN | Saya bersetuju dengan sebahagian kenyataan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas mengenai peluang perniagaan bumiputera di Kelantan dalam sesi soal jawab semasa Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara (KBN 2018), di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pagi ini.

Menurut beliau seperti yang dilaporkan oleh Malaysiakini, Kelantan merupakan sebuah negeri yang miskin walaupun ramai rakyatnya terdiri daripada usahawan yang mahir dan berbakat, dan ini disebabkan kerajaan negeri yang dikuasai PAS tidak dapat mentadbir sendiri tanpa bantuan daripada kerajaan persekutuan.

Setuju saya itu berdasarkan kepada pengakuan beliau bahawa rakyat Kelantan pandai. Pandai rakyat Kelantan itu telah dibuktikan dalam masa tempoh 28 tahun bermula tahun 1990 di mana rakyat Kelantan secara total menolak BN pada tahun tersebut pada ketika perdana menteri pada masa itu ialah perdana menteri yang sama pada hari ini.

Termasuk tahun 1990, sebanyak tiga kali pilihan raya umum rakyat Kelantan telah menolak Dr Mahathir sehinggalah beliau berundur pada tahun 2003.

Di dalam pilihan raya umum lalu pada Mei yang lepas juga, rakyat Kelantan (dan Terengganu) sekali lagi membuktikan kepandaiannya dengan tidak memberikan satu kerusi pun kepada Pakatan Harapan (HARAPAN) yang telah menobatkan Dr Mahathir sebagai calon perdana menteri.

Justeru, sangat benar kata-kata Dr Mahathir bahawa rakyat Kelantan pandai bahkan bagi saya, sangat pandai.

Adapun berhubung dakwaan beliau bahawa Kelantan miskin sehingga memerlukan bantuan kerajaan pusat, suka untuk saya merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 27 Oktober 2017 di bawah tajuk Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018.

Di dalam Lampiran E iaitu di bawah tajuk Pemberian Sebenar Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2016, Kelantan dinyatakan telah menerima sejumlah RM397,989,333.00.

Jika dibandingkan dengan negeri Selangor, negeri tersebut telah menerima sebanyak RM761,803,058.00 di bawah peruntukan Perbendaharaan Negara untuk tahun 2016.

Bisik ke telinga Dr Mahathir

Tidaklah dinafikan kelayakan Selangor menerima peruntukan yang lebih banyak

kerana jumlah pemberian tersebut berasaskan kepada keperluan tersendiri termasuklah bilangan penduduk.

Namun, jika dinyatakan bahawa Kelantan negeri miskin sehingga terpaksa dihulurkan bantuan, maka sukaiah dinyatakan bahawa tidak ada satu pun negeri di Malaysia yang tidak menerima peruntukan di bawah Perbendaharaan Negara.

Jika ditinjau kepada senarai berkenaan, dapat dilihat bahawa negeri Johor menerima sebanyak RM802,219,813.00, Kedah (RM373,288,565.00), Pahang (RM391,115,129.00), Sabah (RM1,086,260,027.00) dan Sarawak (RM1,159,277,479.00). Senarai penuh boleh dirujuk di pautan ini.

Jika boleh saya ingin bertanya kepada Dr Mahathir, sejak bilakah Kelantan menjadi miskin sehingga terpaksa menerima bantuan pusat itu?

Jika dikatakan miskinnya Kelantan sejak tahun 1990 kerana ditadbir oleh PAS, maka saya kira bekas pemimpin-pemimpin PAS yang berada dalam kerajaan persekutuan pada hari ini perlu berbisik sepatah ke telinga Dr Mahathir kerana tohmahannya itu sekaligus memburukkan pentadbiran almarhum Tuan Guru Nik Aziz selama 23 tahun di Kelantan.

Wallahualam jika bekas-bekas pemimpin PAS dalam Pakatan Harapan hari ini turut setuju bahawa pentadbiran Almarhum Tuan Guru Nik Aziz telah

menyebabkan Kelantan jatuh miskin.

Atau mungkinkah yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir itu ialah Kelantan tiba-tiba menjadi miskin selepas ditadbir oleh Menteri Besar sekarang? Ia lebih lagi ajaib kerana kemiskinan berlaku secara tiba-tiba hanya kerana pertukaran Menteri Besar pada tahun 2013.

Satu lagi, saya kira kenyataan Dr Mahathir ini sekaligus telah menjawab kenyataan anaknya sendiri Datuk Seri Mukhriz yang juga Menteri Besar Kedah.

Pada 1 Julai 2018, Mukhriz dilaporkan telah mencadangkan supaya kerajaan persekutuan mencari kaedah baharu untuk mengagihkan hasil kutipan cukai negara secara saksama kepada semua negeri terutamanya negeri yang berpendapatan rendah.

Menurutnya, "Kedah ini negeri tercorot dari segi hasil pendapatan dan kita tiada minyak atau gas jadi tak dapat royalti.

"Sebab itu, saya ingin cadangkan supaya kerajaan persekutuan boleh agihkan dengan saksama hasil kutipan cukai untuk manfaat bersama terutamanya kepada negeri berpendapatan rendah seperti Kedah." Ia boleh dirujuk di laporan ini.

Kenyataan tersebut diulangi pula di dalam sidang parlimen baru-baru ini. Jadi,

hari ini bapanya iaitu Dr Mahathir telah memberikan petunjuk secara tidak langsung agar Kedah boleh berikhtiar mencari sendiri sumber pendapatan tanpa bergantung kepada kerajaan pusat kerana Kedah dipimpin oleh parti yang cerdik.

Jangan jadi seperti Kelantan.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/441280>